

NatCon: Summary Report

GROUP DISCUSSIONS

Session 1: Press On! For the long-term 为长久装备，勇毅前行！

Terus Maju! Untuk Jangka Masa Panjang

1. What are some common reasons local church semesters don't last? What are some ways we can overcome these challenges?

本地教会三福学期不持续的常见原因有哪些？有什么方法可以让我们克服这些挑战？
Apakah sebab-sebab umum yang mengakibatkan latihan EE semester gereja tempatan tidak dapat diteruskan?

1. Sokongan daripada Kepimpinan Gereja
 - Penglibatan terhad pemimpin gereja dan pastor dalam semester gereja tempatan;
 - Pemimpin dan pendeta gereja terlalu sibuk dengan komitmen gereja lain;
 - Perubahan yang kerap dalam kepimpinan gereja mematahkan momentum untuk latihan semester gereja tempatan. Apabila pemimpin baharu masuk, mereka akan menekankan hala tuju yang berbeza untuk gereja dan latihan EE mungkin tidak mendapat sokongan yang mereka perlukan untuk terus menjalankan semester setiap tahun;
 - Jemaah tidak mempunyai visi untuk penginjilan. Juga terdapat kekurangan seorang yang berwawasan yang dapat melihat bagaimana pelayanan EE boleh membantu gereja untuk mengembangkan pasukan tenaga pekerja yang besar untuk Amanat Agung.
2. Sukar untuk merekrut pelatih & jurulatih
 - Kekurangan jurulatih yang bersemangat;
 - Jurulatih yang sedia ada tidak mengambil lebih banyak inisiatif untuk memberikan kepimpinan kepada pasukan gereja mereka;
 - Sukar untuk merekrut pelatih baru untuk latihan semester kerana pelbagai sebab, termasuk terlalu banyak aktiviti gereja lain, takut tekanan akibat latihan, sibuk dengan tekanan hidup, dll.
3. Fikiran negatif dan keputusasaan daripada pengalaman lepas
 - Keputusasaan daripada pengalaman masa lalu yang negatif menghalang jurulatih daripada kembali untuk terus melatih kumpulan pemenang jiwa seterusnya;
 - Tidak ada keperluan mendesak atau semangat untuk menginjil, kekurangan daya tahan menyebabkan orang berputus asa apabila berhadapan dengan cabaran;
 - Semester XEE yang terdahulu dijalankan dengan teruk di mana hasil penginjilan amat sedikit atau langsung tiada. Oleh itu, jemaat tidak percaya akan keberkesanan XEE.

4. Keutamaan yang Bersaing

- Ahli gereja memberi tumpuan kepada aktiviti gereja yang lain;
- Banyak jenis pelayanan dan aktiviti bersaing dalam gereja.

Cara-cara untuk mengatasinya :

- *Pendeta dan pemimpin gereja mengambil tanggungjawab untuk mengkongsikan visi yang jelas untuk penginjilan dan melengkapkan jemaah. Apabila mereka memimpin dengan memberi galakkan positif, mereka dapat memupuk minda positif dan daya tahan di kalangan jemaah, sambil menggalakkan kegigihan (tidak patah semangat) walaupun menghadapi sebarang kemunduran. Apabila kepimpinan gereja menekankan kepentingan penginjilan dan kelengkapan, seluruh gereja akan mendapat mesej bahawa ini adalah pelayanan yang penting gereja dan mereka akan tahu bagaimana untuk lebih mengutamakan masa dan sumber daya mereka.*
- *Dorongan adalah penting untuk mengatasi pemikiran negatif dan keputusasaan. Apabila gereja menggalakkan gereja lain dalam komuniti EE, dan pastor memimpin untuk menggalakkan jemaah, budaya galakan boleh dibangunkan di mana setiap orang belajar untuk memberi lebih galakan kepada satu sama lain. Kerja penginjilan dan kelengkapan ini bukanlah mudah, tetapi apabila kita tahu ada rakan kongsi dalam injil yang bersorak untuk kita, bebannya menjadi lebih ringan.*
- *Mengadakan perhimpunan dan aktiviti untuk membina komuniti EE dalam kawasan setempat supaya jurulatih dan pelatih boleh menggalakkan dan memberi inspirasi antara satu sama lain secara berterusan. Ini juga akan menyediakan platform untuk bertukar-tukar idea.*
- *Meneruskan semester EE tanpa mengira tahap penyertaan awal. Adalah lebih baik untuk meneruskan dengan sekumpulan kecil orang daripada berhenti sepenuhnya dan kehilangan momentum.*
- *Untuk menggalakkan pemimpin memperjuangkan EE. Kami sedang mencari orang yang bersifat setia, bersedia, dan sanggup diajar untuk bangkit dalam iman.*
- *Gereja yang berlainan bekerjasama dalam se kawasan tempatan untuk menjalankan semester. Gereja saling membantu gereja lain ialah cara yang baik untuk mengumpulkan and sama-sama berkongsi sumber (untuk mengatasi kekurangan fasilitator/jurulatih/bilik darjah/kelompok prospek, dsb) dan untuk meningkatkan keseronokan dalam kerja menginjil di sesuatu kawasan geografi.*

2. How can we encourage past trainers and trainees to participate actively in the local church semesters?

试想想，我们能如何鼓励过去的队长和学员们积极参与本地教会的三福培训？
Bagaimanakah kita dapat menggalakkan jurulatih dan pelatih terdahulu untuk mengambil bahagian secara aktif dalam semester gereja tempatan?

1. Latihan kerap dan latihan semula
 - Menggabungkan latihan sebagai sebahagian daripada kalendar tahunan gereja supaya jurulatih boleh menyekat tarikh baginya;
 - Melatih jurulatih melalui kursus penyegaran, penaikkan taraf jurulatih dan berikan peluang untuk berkhidmat lebih banyak supaya mereka lebih mahir dalam pemuridan dan melengkapkan pelatih;
 - Jadualkan pertemuan dan retreat untuk pelatih dan jurulatih yang lepas untuk memastikan api terus membara. Galakkan mereka untuk berkongsi kesaksian tentang peluang perkongsian Injil semasa perhimpunan sebegini. Iktirafkan secara terbuka mereka yang telah mempamirkan kesetiaan untuk menggalakkan mereka dan orang lain juga;
 - Rancang sesi OJT/AP yang dapat disertai oleh jurulatih.
2. Galakan dan Pemuridan
 - Pendeta dan pemimpin gereja harus memimpin dan menjadi teladan dengan mengambil bahagian dalam semester gereja tempatan dan memberi sokongan kepada latihan;
 - Pendeta dan pemimpin gereja harus menggalakkan penglibatan aktif daripada jurulatih terdahulu;
 - Terus membina dan mengekalkan hubungan dengan mereka yang terlatih, menawarkan peluang untuk pertumbuhan dan perkhidmatan, serta memberi galakan;
 - Berkongsi testimoni dan mengekalkan perpaduan dalam misi;
 - Memperkukuh visi gereja dan Amanat Agung sebagai keutamaan utama;
 - Gunakan insentif kreatif untuk mengekalkan penglibatan dan mengiktiraf jurulatih yang setia;
 - Jurulatih-jurulatih (selain pastor) sama-sama berusaha untuk berjumpa dengan jurulatih terdahulu untuk menggalakkan mereka.
3. Doa
 - Memastikan doa dan sokongan berterusan daripada Jemaah.
4. Peruntukan Sumber dan Sokongan Kewangan
 - Sediakan dana untuk membantu jurulatih dan pelatih supaya dapat terus melatih orang lain;
 - Kepimpinan gereja boleh mempertimbangkan untuk menyediakan agihan belanjawan untuk menjalankan lebih banyak latihan dan memotivasikan jurulatih-jurulatih EE.
5. Hari jangkauan khas EE
 - Gereja boleh menganjurkan hari EE atau hari jangkauan dan menggalakkan jurulatih-jurulatih untuk pergi menjalankan OJT/AP bersama-sama pada hari itu.

Session 2: Press On! For the Next Generation

为新一代，勇毅前行！

Terus Maju! Untuk Generasi Depan

1. What are the challenges in your area of influence to equip the next generation?

在您的影响范围内，装备下一代会遇到哪些挑战？

Di bawah pengaruh anda, apakah cabaran yang anda hadapi untuk memperlengkapi generasi yang akan datang?

1. Perbezaan Generasi dan Gangguan
 - Anak muda hari ini berbeza dengan generasi terdahulu;
 - Kaedah penglibatan tradisional kurang berkesan kerana banyak gangguan;
 - Perlu pendekatan baru, mengikut Alkitabiah untuk membimbing mereka kembali kepada iman;
 - Kehidupan moden dan cabaran budaya melemahkan iman dan transmissi nilai hidup.

2. Kurang Sokongan dan Teladan Baik:
 - Terdapat jurang yang ketara dalam kepimpinan dan teladan yang berkesan untuk belia dan kanak-kanak;
 - Kekurangan sokongan ibu bapa - kadangkala ibu bapa Kristian membantah anak-anak mereka dilatih dalam semester gereja tempatan;
 - Ibu bapa hari ini sibuk dengan kerja, dan dengan itu hanya dapat meluangkan sedikit masa sahaja dengan anak-anak mereka, dan dengan itu, mempunyai sedikit pengaruh dalam membentuk keutamaan rohani anak mereka;
 - Kurang bimbingan daripada pemimpin gereja kepada pembantu dan guru-guru tentang cara melibatkan dan memotivasikan belia dan kanak-kanak;
 - Remaja mungkin tidak berminat untuk mendengar injil kerana mereka tidak melihat rakan sebaya mereka mempunyai kesaksian yang berkesan untuk Kristus.

3. Halangan teknologi dan sosial
 - Gangguan teknologi dan media membawa kepada rentang perhatian yang singkat;
 - Belia sibuk dengan kerja sekolah, kerjaya dan pengaruh sosial seperti anime dan permainan video;
 - Orang dewasa sukar untuk berhubung kerana jurang bahasa dan kreatif, dan pengaruh media sosial.

2. What are some creative ideas to encourage the next generation to press on in sharing their faith?

有哪些比较创意的方法可以鼓励下一代继续分享他们的信仰？

Apakah idea-idea kreatif yang dapat menggalakkan generasi akan datang untuk meneruskan perkongsian iman mereka?

1. Teknologi dan Kreativiti
 - Gunakan teknologi dengan sewajarnya untuk melengkapkan belia dengan alatan EE;
 - Gunakan kaedah kreatif dan aktiviti yang menyeronokkan;
 - Adakan lebih banyak aktiviti interaktif dan perkongsian kumpulan semasa sesi latihan.
2. Pemuridan - kembali kepada asas
 - Kita perlu kembali kepada asas pemuridan dengan belia dan kanak-kanak - luangkan masa bersama mereka dan mengiringi mereka dalam perjalanan iman mereka; menyampaikan nilai teras Kristian dan semangat untuk ladang tuaian ke dalam hati mereka;
 - Beri mereka lebih semangat dan bukannya mengecilkan hati mereka dengan teguran atau perbandingan;
 - Penglibatan lebih peribadi/fizikal antara generasi tua dengan generasi muda dan penciptaan 'ruang selamat' untuk generasi baharu berkongsi hati mereka dan mendapatkan nasihat Ilahi daripada orang tua.
3. Galakan daripada rakan sebaya
 - Pelajari bahasa generasi akan datang, kenal pasti mereka yang mempunyai potensi kepimpinan, bina hubungan dengan mereka dan muridkan mereka;
 - Menggalakkan belia yang dilatih untuk menyokong secara aktif dan menggalakkan belia lain untuk turut dilatih. Ramai anak muda berhenti latihan kerana tidak dapat menghafal pembentangan Injil, dan meminta rakan mereka yang sudah mempelajari pembentangan Injil sebelumnya untuk mengajar mereka adalah cara yang berkesan.
4. Teladan Ibu Bapa dan Kepimpinan
 - Ibu bapa dan pemimpin harus bertindak sebagai teladan dan mengutamakan penglibatan mereka sendiri dalam latihan EE;
 - Biarlah kita orang dewasa, ibu bapa teruja dalam iman kita dengan melakukan dan menunjukkan kepada anak-anak kita melalui tindakan kasih sayang kita kepada keluarga dan rakan-rakan kita;
 - Kita perlu melengkapkan diri terlebih dahulu dan kemudian diikuti dengan melatih generasi seterusnya;
 - Ibu bapa harus mengutamakan menghantar anak mereka ke aktiviti gereja dan bukannya hanya ke tuisyen, cth, untuk kem gereja dan ibadah Ahad.
5. Aktiviti gereja untuk melibatkan diri dalam penginjilan
 - Gereja boleh menganjurkan pertandingan seperti sukan dan permainan papan untuk mendekati golongan belia;
 - Buat gulungan atau kandungan digital lain untuk mempromosikan kepentingan untuk di lengkapi untuk penginjilan;
 - Berhubung dengan belia melalui aktiviti khas seperti kelab seni, kelab muzik, berseronok di luar atau melalui podcast.